

**INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SWASTA (IPTIS) DAN
PERANANNYA DALAM PENYEDIAAN TENAGA KERJA
BERSEPADU :
SUATU KAJIAN KES DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA
LUMPUR DAN SELANGOR**

Disediakan Oleh

FARIDAH BINTI MYDIN KUTTY

Tesis ini diserahkan untuk memenuhi
keperluan Ijazah Sarjana Sastera

MAY 2003

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya penyelidikan ini berjaya dihasilkan.

Penghargaan khas buat Prof. Madya Dr. Norizan Hj. Md Nor, selaku penyelia bagi penyelidikan ini. **“Terima kasih atas dedikasi dan komitmen Dr”**. Penyelidikan ini berjaya dihasilkan atas sumbangan fikiran, kritikan dan hujahan beliau. Tidak dilupakan, pensyarah-pensyarah di bahagian geografi, terutama Prof Madya Dr. Usman Yaakob, Dr. Suriati Ghazali dan En Aziz Majid. Sekalung terima kasih atas budi yang ditaburkan. Buat Prof. Madya Dr. Ambigapathy Pandian, terima kasih atas segala nasihat dan sokongan yang diberikan.

Sekalung penghargaan buat Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Institut Pengajian Siswazah, pihak pengurusan dan pelajar-pelajar di IPTIS, Kementerian-kementerian dan orang perseorangan yang banyak membantu dalam menjayakan penyelidikan ini. Maklumat dan pendapat anda akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif penyelidikan ini.

Tidak dilupakan kepada sumber inspirasi dan kekuatan saya, iaitu kedua ibu-bapa tercinta En. Mydin Kutty bin Abu Bakar dan Pn. Mariah bt Hassan, serta semua anggota keluarga. Buat Salleh Bakar, terima kasih dan selamat berjaya. Buat teman-teman tersayang Henie, Hadie, Sue, Sufie, Nonie, Vicky, Fazma, Faez, Wong, Irene dan Sal selamat berjaya.

"Semoga Allah Membalas Jasa Mu"

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
Tajuk	i
Penghargaan	ii
Jadual Kandungan	iii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xiii
Senarai Peta	xiii
Akronim	xiv
Abstrak	xviii
Abstract	xix

BAB 1 : KERANGKA PENYELIDIKAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Isu dan Permasalahan Kajian	3
1.3	Definisi dan Istilah	14
	1.3.1 Pendidikan	14
	1.3.2 Pendidikan Islam	15
	1.3.3 Pendidikan Dualisme	17
	1.3.4 Pendidikan Bersepadu	18
	1.3.5 Guna Tenaga Bersepadu	20
	1.3.6 Institusi Pendidikan Tinggi	20

	1.3.6.1 Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)	21
	1.3.6.2 Institusi Pendidikan Swasta (IPS)	21
	1.3.6.2.1 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	22
1.4	Kerangka Konseptual	23
1.5	Persoalan Kajian	27
1.6	Objektif Kajian	28
1.7	Susunan Tesis	29
1.8	Keşimpulan	30

BAB 2 : PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Pendidikan dan Pembangunan	33
2.3	Pekembangan Pendidikan di Asia	42
2.4	Fasa Perkembangan Ekonomi Malaysia	49
	2.4.1 Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (1971-1990)	49
	2.4.2 Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000)	51
	2.4.3 Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010)	53
2.5	Perubahan Guna Tenaga Negara	55
2.6	Pendidikan Tinggi di Malaysia	63
	2.6.1 Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)	64
	2.6.2 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	67

2.7	Pendidikan Islam	75
	2.7.1 Pendidikan Islam di Malaysia	80
	2.7.2 Permasalahan di Kalangan Pelajar Lulusan Sekolah Agama	83
2.8	Pendidikan Tinggi Islam	86
2.9	Perspektif Islam dalam Pembangunan Ekonomi	91
2.10	Perspektif Islam dalam Pembangunan Pendidikan	94
2.11	Kesimpulan	96
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	98
3.2	Kawasan Kajian	98
	3.2.1 Batasan Lokasi Kajian	98
	3.2.2 Batasan Institusi Kajian	103
	3.2.3 Batasan Responden Kajian	103
3.3	Sumber Kajian	104
	3.3.1 Sumber Primer	104
	3.3.2 Sumber Sekunder	105
3.4	Persampelan	105
3.5	Penganalisaan Data	111
3.6	Angkubah Kajian	111
3.7	Masalah Penyelidikan	112
3.8	Kesimpulan	113

BAB 4 ANALISIS : PENDIDIKAN DI IPTIS

4.1	Pendahuluan	114
4.2	Perkembangan dan Penubuhan IPTIS	115
4.3	Pengurusan dan Pentadbiran	117
	4.3.1 Kakitangan	119
	4.3.2 Pelajar	120
4.4	Kurikulum	123
	4.4.1 Program Akademik	123
	4.4.2 Komponen Kursus	124
	4.4.3 Yuran Pengajian	127
4.5	Kakitangan Akademik	129
4.6	Kemudahan Pendidikan	132
4.7	Persekitaran Kampus	135
4.8	Kesimpulan	137

BAB 5 ANALISIS POLA PERSEPSI RESPONDEN

5.1	Pendahuluan	138
5.2	Latar Belakang Sosioekonomi Pelajar	139
	5.2.1 Profil Demografi Pelajar	139
	5.2.2 Profil Akademik Pelajar	140
	5.2.3 Profil Ibu-Bapa Responden	142

	5.2.4 Pendidikan di IPTIS	144
5.3	Pola Persepsi Pelajar Tentang IPTIS	149
	5.3.1 Pemilihan Pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi	149
	5.3.2 Faktor-Faktor Memasuki IPTIS	150
	5.3.3 Pola Persepsi Responden	153
	5.3.4 Masalah yang dihadapi oleh Pelajar	157
5.4	Pola Persepsi Pelajar Tentang Pendidikan Islam	159
5.5	IPTIS dan Tenaga Kerja	164
	5.5.1 Matlamat Peribadi Pelajar	164
	5.5.2 Cita-Cita dan Pilihan Sektor Pekerjaan	166
	5.5.3 Perkembangan Bekas Pelajar	168
	5.5.4 Prospek Pekerjaan Graduan	171
	5.5.5 Kesukaran yang dihadapi oleh Pelajar	173
5.6	Hubungkait antara IPTIS dengan Pembangunan Pendidikan	174
	5.6.1 Hubungkait di antara taraf sosioekonomi ibu-bapa dan pendidikan di IPTIS	174
	5.6.2 Hubungkait di antara pendidikan pelajar dan pendidikan di IPTIS	175
	5.6.3 Hubungkait di antara pendidikan dan faktor-faktor memasuki IPTIS	176
	5.6.4 Hubungkait di antara pendidikan di IPTIS dengan kemudahan	177
	5.6.5 Hubungkait di antara IPTIS dan masalah pelajar agama	178
	5.6.6 Hubungkait di antara pendidikan di IPTIS dan matlamat serta cita-cita pelajar	179

5.6.7	Hubungkait di antara pendidikan di IPTIS dan cita-cita, jenis pekerjaan dan perkembangan pelajar	180
5.6.8	Hubungkait di antara kursus dan perkembangan pelajar	181
5.7	Kesimpulan	182

BAB 6 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

6.1	Pendahuluan	183
6.2	Pendidikan di IPTIS	184
6.2.1	Definisi IPTIS	184
6.2.2	Proses Pendidikan di IPTIS	185
6.2.3	Latar Belakang Pelajar	188
	6.2.3.1 Pengaruh Keluarga	189
	6.2.3.2 Bantuan Kewangan	191
	6.2.3.3 Prospek Ekonomi	192
6.3	IPTIS dan Program Pendidikan Bersepadu	193
6.4	Penilaian Persepsi Pelajar	195
6.5	IPTIS dan Tenaga Kerja Bersepadu	196
6.6	Rumusan	198
6.7	Cadangan	200
6.6.1	Pengurusan dan Pentadbiran	200
6.6.2	Proses Pengajaran dan Pembelajaran	201
6.6.3	Kurikulum Pendidikan	202
6.6.4	Perancangan Guna Tenaga Negara	203

6.8	Cadangan Kajian	204
6.9	Kesimpulan	204

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Enrolmen di institusi pengajian tinggi swasta	12
2.1	Kitaran hayat produk dan ciri perubahan	35
2.2	Perkembangan sistem pendidikan tertier	38
2.3	Kadar literasi muslim mengikut kategori berbanding negara lain	47
2.4	Perbandingan "pendidikan termaju" dan nisbah saintis dan jurutera antara negara Islam dan negara-negara lain	48
2.5	Guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan utama 1990-2005	57
2.6	Guna tenaga mengikut pekerjaan terpilih 2000-2010 (000' orang)	60
2.7	Tenaga kerja teknologi maklumat 2000-2010 (000' orang)	62
2.8	Enrolmen pelajar di peringkat ijazah pertama dari institusi pendidikan awam tempatan, 1990-2005	65
2.9	Enrolmen pelajar di peringkat diploma dari institusi pendidikan awam tempatan, 1990-2005	68
	Bilangan staf yang mengajar di IPTS berdasarkan kepada kelayakan akademik	71
2.11	Enrolmen pelajar ke IPTA, IPTS dan IPT luar negara (1985-2000)	73
2.12	Enrolmen pelajar di IPTS mengikut negeri, 1995-1999	74
2.13	Bilangan kemasukan pelajar lepasan sekolah agama mengikut sidang akademik	84
2.14	Bilangan calon aliran agama yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA di Malaysia, sidang akademik 1998/99	85

2.15	Jenis program pengajian diploma di insitusi pendidikan tinggi Islam, Malaysia	90
2.16	Pecahan bidang ilmu dalam Islam	95
3.1	Taburan institusi pendidikan tinggi swasta mengikut negeri pada, 1996	100
3.2	Senarai institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia	101
3.3	Bilangan responden berdasarkan kepada institusi dan kursus pengajian	109
3.4	Bilangan responden bekas pelajar berdasarkan kepada Institusi dan kursus pangajian	110
4.1	Status pemilikan IPTIS	118
4.2	Bilangan kakitangan di IPTIS	119
4.3	Populasi pemohon berdasarkan kepada jenis sekolah bagi, 1998-2001	121
4.4	Kemasukan pelajar mengikut kursus di IPTIS	122
4.5	Yuran pengajian berdasarkan kepada kursus di setiap institusi	127
4.6	Bantuan Kewangan di setiap institusi	128
4.7	Jumlah pensyarah di IPTIS berdasarkan kepada taraf akademik	130
4.8	Jumlah pensyarah berdasarkan kepada pengkhususan di IPB	130
4.9	Kemudahan-kemudahan pendidikan di IPTIS	133
4.10	Penilaian pelajar ke kemudahan di IPTIS	134
5.1	Profil demografi pelajar tahun akhir dan bekas pelajar	140
5.2	Profil akademik pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan kelulusan mengikut jantina pelajar	141
5.3	Latar belakang pendidikan, pekerjaan dan pendapatan Ibu-bapa responden	143
5.4	Pendorong, maklumat mengenai institusi dan pembiayaan pelajaran untuk memasuki IPTIS berdasarkan jantina	145

5.5	Pembiaya pendidikan pelajar berdasarkan kepada kumpulan pendapatan	146
5.6	Sumber kewangan pelajar berdasarkan kepada kursus pengajian	147
5.7	Pemilihan IPT untuk melanjutkan pelajaran	149
5.8	Pilihan pelajar untuk memasuki IPTIS berdasarkan kelulusan	150
5.9	Faktor-faktor pelajar memasuki IPTIS berdasarkan kepada Institusi pendidikan	152
5.10	Aspek menarik mengenai proses pengajaran dan pembelajaran di IPTIS	156
5.11	Aspek menarik mengenai proses pengajaran dan pembelajaran di IPTIS	157
5.12	Masalah-masalah pelajar berdasarkan kepada institusi	158
5.13	Permasalahan yang dihadapi oleh pelajar	160
5.14	Cadangan-cadangan bagi menjamin masa depan pelajar aliran agama	161
5.15	Persepsi pelajar mengenai pendidikan tinggi Islam	163
5.16	Matlamat peribadi pelajar berdasarkan kepada jantina	165
5.17	Cita-cita pelajar berdasarkan kepada jantina	167
5.18	Sektor pekerjaan yang menjadi pilihan berdasarkan kepada jantina	167
5.19	Hubungan di antara keyakinan mendapatkan pekerjaan dengan jantina	168
5.20	Hubungkait antara lulusan dan perkembangan pelajar	169
5.21	Hubungan antara kolej dan perkembangan semasa pelajar	170
5.22	Hubungkait antara bidang pengajian dan perkembangan semasa pelajar	171
5.23	Jenis pekerjaan pelajar berdasarkan kepada kursus	172

5.24	Kesukaran yang dihadapi oleh pelajar berdasarkan jantina	173
5.25	Jadual silang ganda dua chi antara latar belakang sosioekonomi ibu-bapa pelajar dan dorongan memasuki IPTIS	175
5.26	Jadual silang ganda dua chi antara latar belakang pendidikan pelajar dan pendidikan di IPTIS	176
5.27	Jadual silang ganda dua chi antara latar belakang pendidikan bidang pengajian, institusi dan kelulusan dengan sebab-sebab memasuki IPTIS	176
5.28	Jadual silang ganda dua chi antara pembolehubah tidak menarik dengan kemudahan pendidikan di IPTIS	178
5.29	Hubungkait antara IPTIS dan masalah pelajar aliran agama	179
5.30	Jadual silang ganda dua chi antara matlamat dan cita-cita dengan institusi	180
5.31	Jadual silang ganda dua chi antara cita-cita dan kursus	181
5.32	Jadual silang ganda dua chi antara perkembangan pelajar dan kelulusan akademik dan kesukaran yang dihadapi	181

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	23
2.1	Kitaran hayat produk	35
2.2	Hubungan antara manusia, pengetahuan dan kurikulum	41
2.3	Guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan utama 1990-2005	59
2.4	Enrolmen pelajar di peringkat ijazah pertama bagi kursus sastera, sains dan teknikal di IPTA, 1990-2005	66
2.5	Enrolmen pelajar di peringkat diploma bagi kursus sastera, sains dan teknikal di IPTA, 1990-2005	67
3.1	Kerangka Metodologi Kajian	99
5.1	Faktor-faktor Pelajar Memasuki IPTIS (%)	151

SENARAI PETA

PETA	MUKA SURAT
Taburan IPTIS di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Selangor	102

AKRONIM

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AUKU	Akta Universiti Kolej Universiti
DWN	Dasar Wawasan Negara
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
ICB	Islamic Consultative Body
ICT	Information Communication Technologies
ILO	International Labor Organization
INTIS	Institusi Teknologi Islam
IPS	Institusi Pendidikan Swasta
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTIS	Institusi Pendidikan Tinggi Islam Swasta
IPTP	Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
IPUTRA	Institut Pengurusan dan Teknologi Utara
IPB	Institut Profesional Baitulmal
IPI	Institusi Pengajian Ilmu-Ilmu Islam
ITTHO	Institut Teknologi Tun Hussin Onn
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JIM	Jemaah Islam Malaysia
IKM	Institut Kota Melaka
INSANIAH	Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman

ITD	Institut Teknologi Darul Naim
JAIPETRA	Jamiah Islamiah Sultan Ismail Petra
MADIWA	Pusat Pengajian Tinggi Islam dan Bahasa Arab
MARSAH	Institut Pengajian Tinggi Islam Johor
KBI	Koperasi Belia Islam
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KIAS	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
KIDU	Kolej Islam Darul Ulum
KIPSAS	Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KISDAR	Kolej Islam Darul Ehsan
KISDAR	Kolej Islam Darul Ridzuan
KUSZA	Kolej Agama Sultan Zainal Abidin
KUIM	Kolej Universiti Islam Malaysia
KIJ	Kolej Islam Johor
KIM	Kolej Islam Melaka
KPKI	Kolej Perbankan dan Kewangan Islam
KNK	Keluaran Negara Kasar
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MSC	Multimedia Super Corridor
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PAS	Parti Islam Malaysia

PMR	Penilaian Menengah Rendah
R&D	Research and Development
RM6	Rancangan Malaysia Keenam
RM7	Rancangan Malaysia Ketujuh
RRJP1	Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
RRJP3	Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMAR	Sekolah Menengah Agama Rakyat
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPM/V	Sijil Pelajaran Malaysia/Vokasional
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNITEL	Universiti Telekom Malaysia
UNISEL	Universiti Industri Selangor
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional
UNITI	Kolej Universiti Teknologi Industri Islam
UM	Universiti Malaya
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UNESCO	United Nation Economy Cooperation

USM

Universiti Sains Malaysia

UUM

Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

Private Islamic Higher Education and Their Roles in Integrated manpower Planning : A Case Study in the Federal Territory, Kuala Lumpur and the State Selangor.

Private Islamic Higher Education (IPTIS) bring new dimension to the development of national higher education. The development of the IPTIS is in line with the government's effort to visualize Malaysia as center for higher education development in the Asian region. The development of IPTIS can be associated with a few issues including awareness of the needs of an education institute, which emphasize Islam in human resources development and awareness in relation to drop outs among students in religious stream. The need to produce equal Islamic technocrats and professionals, including changing the societies paradigm in relation to the efficiency of Islamic educational institutions and the graduate produce. The objective of this study is, to translate the potentials of IPTIS in realizing to the concepts of integrated education, which emphasize in the acquisition of Islamic and professional knowledge, and the effectiveness in fulfilling the need of national manpower. This descriptive study was conducted among five IPTIS in Federal Territory, Kuala Lumpur and the state of Selangor. The primary sources for this study is collected from the institute's administration and management personnel, final year and ex-students. This study focuses on three issues, namely: (i) to explore the institute from the administration and management aspect, curriculum, academic staff, facilities and educational environment, (ii) students perception of the institute, (iii) the contribution of IPTIS in fulfilling national integrated manpower needs. The findings indicate that although, IPTIS is successful in providing educational facilities to the students, the achievements are still at a low level, compared with other conventional educational institute. Therefore, IPTIS has to upgrade the educational quality offered interms of administration, curriculum, facilities and teaching staff and offering various level of knowledge acquisition and skills for students.

ABSTRAK

Institusi Pendidikan Tinggi Islam Swasta (IPTIS) membawa dimensi baru dalam perkembangan pendidikan tinggi negara. Perkembangan IPTIS adalah sejajar dengan saranan kerajaan menjadikan Malaysia pusat perkembangan pendidikan tinggi di rantau Asia. Perkembangan IPTIS dapat dikaitkan dengan beberapa isu, antaranya kesedaran ke atas keperluan sebuah institusi pendidikan yang meletakkan asas Islam dalam pembangunan sumber manusia. Keprihatinan berhubung masalah keciciran dan pengangguran di kalangan pelajar aliran agama. Keperluan dalam melahirkan golongan teknokrat dan profesionalisme Islam yang seimbang, serta mengubah paradigma masyarakat berhubung soal kecekapan institusi pendidikan Islam dan graduan yang dihasilkan. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk menterjemaahkan potensi IPTIS dalam merealisasikan konsep pendidikan bersepadu yang menekankan kepada penguasaan ilmu Islam dan profesional dan keberkesanannya dalam memenuhi keperluan guna tenaga. Kajian berbentuk deskriptif ini dilakukan ke atas lima buah IPTIS di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Selangor. Sumber primer bagi kajian ini diperolehi daripada pihak pentadbiran dan pengurusan institusi, pelajar tahun akhir dan bekas pelajar. Fokus kajian menjurus kepada tiga perkara, iaitu :- (i) tinjauan ke atas institusi dari aspek pengurusan dan pentadbiran, kurikulum, tenaga pengajar, kemudahan dan persekitaran pendidikan, (ii) persepsi pelajar ke atas institusi, (iii) sumbangan IPTIS dalam memenuhi keperluan guna tenaga bersepadu negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa, walaupun IPTIS berjaya menyediakan kemudahan pendidikan kepada pelajar tetapi kemajuan yang dicapai masih diperingkat rendah berbanding institusi pendidikan konvensional. Oleh itu, IPTIS perlu mempertingkatkan kualiti pendidikan yang ditawarkan dari aspek pengurusan, kurikulum, kemudahan dan tenaga pengajar serta mempelbagaikan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran pelajar.

BAB 1

KERANGKA PENYELIDIKAN

1.1 PENDAHULUAN

Pendidikan dalam bentuk formal dan tidak formal adalah medium terpenting dalam pembangunan sosial, ekonomi, politik dan ekonomi. Hubungan tindakbalas antara pendidikan dan pembangunan diseragamkan melalui penstrukturan kurikulum di peringkat sekolah hingga ke institusi pengajian tinggi, dalam menghadapi gelombang globalisasi dan kemunculan ekonomi berasaskan pengetahuan (Wagner, 1999).

Untuk memenuhi tuntutan perubahan ini, institusi pendidikan Malaysia mengalami proses transisi dari peringkat rendah hingga ke institusi pengajian tinggi bagi merealisasikan matlamat utama yang ingin dicapai iaitu:- (i) memenuhi permintaan sosial yang semakin meningkat, (ii) menghasilkan sumber manusia, yang berkualiti dari segi mental, emosi, jasmani, fizikal dan rohani, (iii) menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau (iv) memastikan 40 peratus daripada kohort umur pelajar, ke institusi pengajian tinggi menjelang tahun 2020, dalam merealisasikan matlamat Malaysia menjadi sebuah negara industri yang maju (Malaysia, 1996, Tan, 2002 & Mahathir, 1991).

Perkembangan institusi pendidikan tinggi di Malaysia, adalah seiring dengan arus pemodenan. Ini berdasarkan kepada penstrukturan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) ke arah pusat penyelidikan dan pembangunan serta melahirkan sumber manusia dalam pelbagai cabang ilmu dan kemahiran di samping percambahan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Langkah pengkopratan dan penswastaaan pendidikan bertujuan mewujudkan institusi pendidikan yang berdaya saing dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan budaya ilmu dalam merealisasikan agenda pembangunan negara.

Sehubungan itu, pembangunan pendidikan kini turut menekankan kepada pembangunan kerohanian di samping penguasaan pengetahuan dan kemahiran. Arus pemodenan memberikan impak yang besar ke atas pembangunan individu. Kecenderungan masyarakat dalam menilai kepentingan agama dalam pembangunan semakin meningkat. Ini jelas, berdasarkan kepada permintaan ke atas sekolah-sekolah agama yang sentiasa bertambah saban tahun. Proses ini turut diimplementasikan di peringkat institusi pengajian tinggi. Matlamatnya adalah melahirkan lebih ramai graduan yang celik ilmu keduniaan dan keagamaan serta menyumbang kepada model pembangunan Islam.

Oleh yang demikian, penyelidikan ini adalah perintis dalam mengkaji kewujudan institusi pendidikan tinggi Islam dalam persada industri pendidikan negara. Sebagai sebuah institusi pendidikan di fasa awal pertumbuhan, perkembangan institusi ini dilihat berdasarkan kepada kualiti pendidikan yang ditawarkan serta matlamatnya dalam melahirkan guna tenaga bersepadu.

1.2 ISU DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Menjelang abad ke-21, fungsi pendidikan mengalami perubahan yang ketara dari segi peranan dan matlamat ke atas individu dan masyarakat. Perubahan ini adalah kesan pembangunan dalam ekonomi, kemajuan dalam sistem komunikasi dan teknologi maklumat, serta sains dan teknologi. Kesyediaan negara bagi menghadapi pembangunan ini adalah menerusi pendidikan. Oleh itu, matlamat utama pendidikan pada hari ini adalah untuk menghasilkan individu dengan pelbagai bentuk kemahiran dan pengetahuan bagi menghadapi perubahan dalam persekitaran sosioekonomi (Serguey, 1998: 103).

Peranan pendidikan dalam membangunkan sumber manusia, disokong oleh ahli-ahli ekonomi seperti Harbinson dan Myres (1964), Wheeler (1980) dan Porter (1990) yang membuktikan kepentingan sumber manusia dalam mencapai matlamat politik, sosial, kebudayaan dan ekonomi (Rahmah Ismail, 2000 : 27). James (1991), menyatakan pembangunan sumber manusia berperanan dalam membekalkan kemahiran ikhtisas, pengurusan serta teknikal sejajar dengan keperluan pertumbuhan ekonomi.

Dari segi istilah, sumber manusia dilihat sebagai aset yang berkebolehan, berpengetahuan, berkemahiran dan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan. Selain itu, sumber manusia merangkumi seluruh potensi dalam diri individu dari segi rohani, intelek, emosi, jasmani, sosial, akhlak, estetika, ekonomi, sains dan teknologi (Kamaruddin Jaafar & Hazami Habib, 1993). Oleh itu, pelaburan dalam modal manusia dianggap bernilai dan memberikan kesan ke atas taraf sosioekonomi pada masa hadapan (Ruth & Francille, 1988). Manakala pembangunan sumber manusia pula merujuk kepada pembangunan potensi dalam diri

individu. Berdasarkan kepada Bank Pembangunan Asia (1992), pembangunan sumber manusia merujuk kepada pembangunan kemahiran dan keupayaan tenaga manusia melalui pendidikan dan latihan bagi meningkatkan produktiviti. Syed Othman al-Habshi (1997), mentakrifkan pembangunan sumber manusia, sebagai perancangan serta pengeluaran tenaga manusia, dalam setiap bidang yang diperlukan oleh negara dalam suatu tempoh masa tertentu. Matlamatnya memberikan, peluang saksama kepada semua individu untuk memperkembangkan tahap pertumbuhan fizikal, mental, sosial, budaya dan etika bagi mewujudkan kehidupan, yang lebih sempurna (Sirajuddin & Sant B. Gurung, 1992). Oleh yang demikian, program pendidikan dan latihan memberikan peluang kepada individu untuk mengembangkan potensi dari segi bakat, aspirasi, sikap, minat dan motivasi ketika menjalani latihan atau berkerja (Abdul Majid, 1987).

Pembangunan dalam pendidikan berhubung rapat dengan keperluan guna tenaga. Pendidikan yang efektif adalah pendidikan yang dapat memenuhi keperluan sumber manusia seiring dengan arus pembangunan negara. Pelaburan dalam pendidikan memberi kesan positif ke atas pembangunan ekonomi sesebuah negara (Psacharopoulos, 1985; Fagerlind, 1983; Schultz 1961; Blough 1968). Ahli ekonomi seperti Schultz (1961), Becker (1964), Mincer (1974) dan Psacharopoulos (1985) membuktikan bahawa dua komponen penting dalam pembangunan sumber manusia, adalah pendidikan dan latihan. Kedua-duanya mempunyai perhubungan yang positif dengan pertumbuhan ekonomi (Rahmah Ismail, 2000).

Kejayaan dasar pembangunan negara, membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dalam tempoh 1988-1996, iaitu peralihan daripada kepentingan

pertumbuhan berasaskan komoditi asas kepada ekonomi berasaskan industri (Unit Perancang Ekonomi, 1996). Fasa seterusnya beralih kepada kepentingan modal, teknologi tinggi dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Peralihan kepentingan dan tumpuan ekonomi Malaysia secara kritikalnya memerlukan sumber manusia yang berkualiti dari aspek pengetahuan dan kemahiran.

Peralihan dalam struktur ekonomi Malaysia mewujudkan peluang pekerjaan baru. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Ke-7, sektor pembuatan mewujudkan 564,700 peluang pekerjaan baru iaitu mewakili 49 peratus daripada kekosongan pekerjaan pada tahun 2000, manakala dalam sektor perkhidmatan dalam tempoh 1991- 1995 mewujudkan 47 peratus kekosongan peluang pekerjaan (Malaysia 1996, Education Guide Malaysia, 1997). Kumpulan profesional dan teknikal mewujudkan 12.1 peratus, daripada jumlah pekerjaan pada tahun 2000. Permintaan yang tinggi, adalah ke atas jurutera yang kekurangan 7,300 dan kumpulan teknikal kekurangan 31,700 pada tahun 2000. Manakala kekurangan juga dihadapi bagi golongan profesional perubatan dan kesihatan iaitu 2,470, seperti ahli fizik dan bedah, 1,481 pergigian, dan pembedahan gigi 1,471 dan ahli farmasi 323. Syarikat-syarikat Multimedia Super Corridor (MSC) pula, memerlukan pekerja berpengetahuan (k-workers), dianggarkan antara 20,000 dan 40,000 antara tahun 1998-2000 (Malaysia, 1996).

Bagi menghadapi anjakan pembangunan dan keperluan ke atas sumber manusia dalam bidang-bidang baru, pendidikan di Malaysia diorganisasikan semula dari aspek kemasukan, kualiti, kesaksamaan, kecekapan dan kepelbagaian. Malaysia memperuntukkan 26 peratus, daripada jumlah perbelanjaan negara untuk meningkatkan taraf pendidikan. Penekanan diberikan dalam membangunkan pendidikan sains dan teknologi serta kemahiran sebagai

persediaan membentuk negara maju menjelang tahun 2020 (RM Ke-8, 2001). Di peringkat institusi pengajian tinggi, kerajaan menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta melalui Akta Pendidikan Swasta 1996 dan meningkatkan mutu serta kualiti pendidikan di universiti-universiti awam dari segi penawaran kemahiran dan pengetahuan.

Pelbagai langkah praktikal diambil bagi memastikan setiap institusi pendidikan menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti bagi menjana pembangunan sumber manusia yang produktif. Pengambilan ke institusi pengajian tinggi dipertingkatkan iaitu dijangka bertambah daripada 321, 729 pada 2000 kepada 526,679 pada tahun 2005 dengan peningkatan 63.7 peratus. Kadar enrolmen bagi kumpulan umur 17- 23 bertambah daripada 25 peratus pada 2000 kepada 30 peratus pada 2005. Penyertaan sektor swasta turut dipertingkatkan dalam usaha menyediakan pendidikan dan latihan terutama dalam pengetahuan dan bidang baru seperti bioteknologi, bioinformik, mekatronik dan sebagainya. Pendidikan swasta menampung 25 peratus daripada enrolmen pelajar ke institusi pendidikan tinggi (Malaysia, 2000 : 132-133).

Bagi memastikan wujud kesinabungan antara pembangunan pendidikan dan sumber manusia, kerajaan semakin realistik dalam merombak serta menstrukturkan semula pendidikan negara. Ini kerana setiap individu berhak mendapatkan pendidikan yang baik dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Salah satu isu yang semakin mendapat tumpuan adalah, isu kemunduran sistem pendidikan agama seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN). Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, permintaan ke atas sistem pendidikan Islam adalah tinggi. Pada tahun 1997 terdapat 25,658 orang pelajar yang

memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Bilangan ini bertambah kepada 29,898 pada tahun 1998 dan 31,388 pada tahun 1999, iaitu dengan peningkatan sebanyak 22.3 peratus. Bagi Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), kemasukan pelajar turut meningkat. Pada tahun 1998, SMAR mempunyai seramai kira-kira 62,000 dan bilangan ini bertambah kepada 70,000 pada tahun 1999. Peningkatan sebanyak 12.9 peratus, membuktikan keyakinan masyarakat ke atas institusi pendidikan ini dalam mencorakkan masa depan anak-anak mereka. SMAN pula mempunyai pelajar seramai 63,000 pada tahun 1998 dan bilangan ini bertambah lebih daripada 62,000 pada tahun 1999 (Massa, Mei 2002).

Ketidakseimbangan antara permintaan ke sekolah agama dan penawaran peluang pendidikan di peringkat IPT dan pekerjaan, menimbulkan persoalan dalam menentukan arah tuju pelajar-pelajar sekolah agama. Ini kerana penggubalan kurikulum yang sempit, menyebabkan nilai pasaran pelajar adalah terhad. Pendidikan ini hanya menyediakan pelajar-pelajarnya menjadi guru agama, kadi dan mufti (Fatimah Ali, 1987). Berdasarkan kepada Wan Mohd. Nor (1989), komponen-komponen seperti pemikiran kritis, analisis, interpretasi, sintesis, koherensi dan semua konsep-konsep penting pendidikan Islam tidak disampaikan di sekolah agama (Rosnani Hashim, 1996). Pengkhususan dalam pengajian Islam, membawa kepada sistem pendidikan yang tidak seimbang dan sepadu serta menghadkan penerokaan pengetahuan dan kemahiran lain, yang diperlukan untuk menghadapi perubahan (Rosnani, 1998).

Kegagalan institusi pendidikan ini dalam membangunkan potensi serta kebolehan pelajar-pelajar berpunca daripada kelemahan pentadbiran, kekurangan kemudahan dan guru-guru

yang berkecukupan, masalah kewangan serta kongkongan sistem pendidikan agama tradisional. Oleh itu timbul persoalan, sejauh mana sistem pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah menyediakan pelajar untuk memasuki universiti dan alam pekerjaan (Education Quarterly, 2001). Dan sejauhmana kesediaan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam menawarkan peluang pendidikan yang mampu membawa perubahan kepada pelajar aliran agama agar seiring dengan arus perdana pendidikan dan pembangunan negara.

Berbeza dengan pendidikan kebangsaan, ia menekankan kepada perkembangan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Sistem pendidikan kebangsaan di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia, menyediakan prasarana pendidikan yang lengkap dari segi guru yang profesional dan berkecukupan di peringkat diploma hingga ijazah, kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap, persekitaran pendidikan yang baik dan sebagainya. Kelebihan pendidikan yang bersifat sepadu ini memperluaskan peluang kerjaya pelajar dalam bidang profesional seperti perubatan, perniagaan, kejuruteraan dan dalam bidang saintifik dan teknologi serta teknikal.

Sehubungan dengan itu, tidak dinafikan orientasi pendidikan di Malaysia menekankan kepada pencapaian akademik dan kemahiran. Misalnya program pendidikan di IPT, dibahagikan kepada kategori-kategori tertentu seperti sains semulajadi, sains sosial, sains gunaan, kemanusiaan dan agama tanpa pendidikan teras iaitu pengajian Islam dan tidak bersifat sepadu. Berbeza dengan model kurikulum barat, ia bersifat menyeluruh walaupun tidak meletakkan agama sebagai asas. Selain daripada kurikulum teras, ia menekankan kursus-kursus dalam disiplin lain seperti kesusasteraan, sejarah, sains sosial dan falsafah, sains dan matematik serta bahasa dan budaya masyarakat lain. Hasil integrasi antara

disiplin ilmu ini, melahirkan individu yang berfikiran kritikal dan kreatif serta berpengetahuan luas. Selain itu, sistem akademik di IPT bersifat pratikal dan pragmatik berbeza daripada matlamat pendidikan Islam yang meletakkan pengetahuan agama sebagai teras kepada perkembangan ilmu-ilmu lain. Matlamat pendidikan nasional adalah menghasilkan sumber manusia, bagi mencapai agenda pembangunan ekonomi negara. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada sasaran enrolmen pelajar 60:40 antara sains dan sastera, iaitu menekankan kepada pembangunan individu. Selain itu kemunculan universiti korporat seperti Universiti Telekom Malaysia (UNITEL), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Industri Selangor (UNISEL) dan sebagainya, mengkhusus kepada satu disiplin ilmu dengan matlamat membangunkan sumber manusia dalam sains dan teknologi untuk keperluan abad ke-21 serta mengenenpikan kepentingan pembangunan holistik (Rosnani Hashim, 1998).

Orientasi pendidikan sedemikian adalah selaras dengan sistem ekonomi pasaran, iaitu badan perniagaan dan perdagangan mementingkan pendidikan untuk sesuatu profesion. Oleh yang demikian, penekanan diberikan ke atas pengetahuan sains, teknologi dan subjek guna berbanding dengan subjek tradisional seperti kemanusiaan, sastera, teologi dan sejarah (Ghosh,2000).

Selain itu, percambahan institusi pendidikan swasta yang mengaplikasikan kurikulum dan sistem pendidikan barat membawa kepada, tren penjajahan baru melalui slogan globalisasi yang menekankan kepada pemikiran bebas dan kemajuan materialistik. Ini menyebabkan timbul budaya meniru, tamadun barat dan menghilangkan identiti asli masyarakat tempatan (Ghazali, 2000: 4-5).

Ini menunjukkan, model pembangunan yang berteraskan kepada pertumbuhan ekonomi, melihat aspek moral dan kerohanian serta agama, sebagai elemen sampingan yang wujud secara berasingan daripada ekonomi, politik, sosial dan budaya (Kamal Hassan, 1988). Isu yang sama disuarakan, dalam salah satu persidangan antarabangsa mengenai "Faith, Science and the Future" (1979) di Cambridge Massachusetts. Perkara yang dibangkitkan adalah, masyarakat moden dan sekular, terlalu menumpukan kepada pelajaran sains berbanding dengan pelajaran agama.

Oleh yang demikian, keperluan mendekati pembangunan sumber manusia dari perspektif holistik dan intergratif dengan menumpukan perhatian kepada pembangunan kekuatan dalaman sebagai faktor utama mencapai kejayaan sebenar adalah penting. Pembinaan keupayaan teknikal yang canggih pada diri golongan profesional dan terpelajar perlu diimbangi oleh pembinaan dan pengurusan organisasi yang bersifat moral dan kerohanian. Matlamat ini dapat dimanifestasikan menerusi proses pendidikan bersepadu yang merangkumi tiga komponen iaitu:- i) pembangunan kemahiran fizikal dan kebolehan mental, ii) membangunkan kualiti kemanusiaan seperti kejujuran, kasih sayang dan kesabaran, (iii) keadilan dan kebajikan perlu dijadikan sebagai asas ideologi pendidikan (Abdun 2000; 327).

Dengan itu, pembangunan institusi pendidikan tinggi Islam memberikan satu input positif dalam menjayakan strategi pembangunan berteraskan Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan (Aidit Ghazali, 1990). Sejak 1980-an Malaysia dilihat sebagai antara negara Islam yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan sehingga digelar sebagai "Asian Miracle" dalam Laporan Bank Dunia, 1993. Sejak kepemimpinan Mahathir

Mohamad, Islam digunakan sebagai intisari kepada pembangunan masyarakat dan negara (Mohamed Haneef, 2001 : 270). Pengabungan nilai Islam dalam pembangunan dapat dilihat berdasarkan kepada penubuhan universiti Islam, sistem perbankan Islam, mahkamah syariah, insurans Islam dan sebagainya.

Pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia dilihat sebagai asas "Malaysia Islamic Reforms". Malaysia berusaha untuk mencapai pemodenan tetapi dalam masa yang sama meletakkan dimensi Islam dalam budaya komersil. Wilson (1998), telah mengidentifikasikan input Islam dalam agenda pembangunan negara, iaitu daripada sasaran kuantitatif dalam tahun 1960-an dan 1970-an kepada sasaran kualitatif pada tahun 1980-an dan 1990-an. Selain itu, konflik di kalangan kaum Melayu, membawa kepada penggunaan Islam sebagai ideologi politik untuk menjamin status quo dan perubahan fundamental dalam sistem politik. Islam menjadi agen dan simbol perubahan sosial yang berlaku di Malaysia (Molly, 2000 : 114).

Oleh yang demikian, keyakinan masyarakat berhubung dengan kepentingan Islam dalam aspek kehidupan seharian, dibuktikan berdasarkan kepada permintaan ke atas sistem pendidikan dan ekonomi Islam. Corak permintaan yang memberangsangkan di peringkat sekolah, memberikan input positif kepada Institusi Pendidikan Tinggi Islam Swasta (IPTIS) dalam membangunkan sebuah model pendidikan berteraskan Islam dan merangka sistem pendidikan bersepadu. Kesedaran kepentingan pendidikan bersepadu ini juga berlaku di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), apabila kurikulum pengajian Islam di IPTA distrukturkan semula kepada program pendidikan yang bersifat sepadu.

Sehubungan itu, sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bumiputera, IPTIS mampu mengatasi masalah ketidakseimbangan kaum dalam guna tenaga. Di bawah Dasar Wawasan Negara (DWN), langkah yang praktikal diambil, bagi memastikan golongan bumiputera memperoleh pendidikan dan latihan yang bersesuaian dengan pekerjaan dan gaji. Salah satu mekanisme tersebut adalah, menggalakkan pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran ke IPTS dan menyediakan kemudahan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Berdasarkan kepada 456 IPTS pada 1999, 36.1 peratus enrolmen pelajar di peringkat diploma dan ijazah merupakan pelajar bumiputera (lihat jadual 1.1). Enrolmen pelajar Bumiputera dalam kursus sains dan teknikal adalah rendah iaitu 36.2 peratus manakala bagi kursus bukan sains sebanyak 55.7 peratus (RRJP3, 2000: 111).

Jadual 1.1 : Enrolmen di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, 1999

Tahap Pengajian	Bumiputera	%	Bukan Bumiputera	%	Jumlah	%
Diploma	6,345	20.5	24,595	79.5	30,940	100.0
Ijazah	44,795	40.5	65,933	59.5	110,728	100.0
Jumlah	51,140	36.1	90,528	63.9	141,668	100.0

Sumber : Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2000-2010 : 115

Model pendidikan bersepadu yang diterapkan oleh IPTIS dapat mengubah persepsi masyarakat mengenai lulusan IPT Islam yang selama ini selalu disinonimkan dengan bidang tugas keagamaan. IPTIS berkeupayaan menyumbang kepada pembangunan gunatenaga negara dalam pelbagai bidang. Pada masa yang sama, memberikan keyakinan kepada majikan agar memberikan penilaian yang samarata antara graduan lulusan kolej Islam dengan lulusan IPTS ataupun IPTA. Berdasarkan kajian Muhammad Syukri Salleh

et.al (2001), permintaan terhadap bentuk pengajian bersepadu amat tinggi khususnya daripada pelajar-pelajar aliran agama 78.7 peratus, ibu-bapa pelajar 99.6 peratus, pelajar-pelajar aliran agama yang sedang belajar di IPTA 98.6 peratus dan bakal majikan pelajar-pelajar aliran agama 100 peratus. Berdasarkan kepada kajian ini, 85.2 peratus majikan memilih untuk mengambil siswazah yang mengkhusus dalam bidang pengajian yang menggabungkan pengajian Islam dengan ilmu semasa. Di samping itu, kecenderungan para majikan ini terhadap agama jelas apabila 84.2 peratus, daripada majikan yang dikaji mengantar kakitangan mereka mengikuti kursus-kursus bercorak keagamaan. Manakala 89.5 peratus daripada mereka menyatakan kesediaan untuk mengambil kakitangan dari graduan berilmukan agama. Selain itu, 100 peratus majikan ini berpendapat bahawa IPT mesti menggunakan kurikulum yang menggabungkan ilmu Islam dan profesional.

Kajian ini seterusnya akan melihat secara lebih khusus keupayaan IPTIS dalam merealisasikan konsep pendidikan dan guna tenaga bersepadu.

1.3 DEFINISI DAN ISTILAH

1.3.1 Pendidikan

Berdasarkan kepada Kidd J.R. (1973), pendidikan adalah proses perkembangan dan penyumbangan fikiran oleh kuasa-kuasa semulajadi secara sistematik dan bermula di peringkat pra-sekolah, berterusan sehingga seumur hidup (Ahmad Mohd Salleh, 1997 dalam Nazier, 1999: 1).

William K. Frankena (1965), mentafsirkan pendidikan adalah transmisi atau memperoleh kecemerlangan (keinginan, bakat, tabiat, keadaan dan sifat) dengan menggunakan teknik seperti arahan, latihan, pembelajaran, praktis, tunjuk ajar, disiplin dan sebagainya (Rosnani Hashim, 1996:77).

Para pendidik barat mengklasifikasikan takrif pendidikan menurut aliran idealisme, realisme dan pragmatisme. Aliran idealisme menyatakan, seluruh alam sejagat bersifat mental dan terpantul pada akal manusia. Oleh itu, pendidikan ialah proses membentuk dan melatih akal manusia supaya sejajar dengan susunan alam sejagat tersebut. Aliran realisme menegaskan, perbezaan di antara manusia dengan makhluk lain ialah otak yang berasal daripada benda bukan akal, kerana akal itu bukan dianggap benda. Aliran pragmatisme menyatakan, pendidikan berperanan bagi melatih otot-otot akal atau menyusun sel-sel otak bagi menyesuaikan individu dengan masyarakat, kerana manusia ialah makhluk yang tidak dapat dipisahkan daripada alam sekitar (Abdullah 1995 : 9).

John Dewey mentakrifkan pendidikan adalah satu proses perkembangan individu. Beliau menyatakan pendidikan merupakan usaha mengatur dan menambah ilmu pengetahuan yang dimiliki supaya dapat hidup dengan lebih selamat (Mak Song 2002: 218).

1.3.2 Pendidikan Islam

Matlamat pendidikan dalam Islam adalah melahirkan keseimbangan dalam diri seseorang individu. Berikut adalah pandangan beberapa tokoh ilmuwan Islam, berhubung dengan matlamat pendidikan dalam Islam. Al-Ikhwan mengklasifikasikan ilmu kepada tiga jenis iaitu:- (i) sains matematik, yang dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian, (ii) sains tradisional, untuk membersihkan jiwa, (iii) sains falsafah untuk mencapai tahap kesempurnaan hidup. Oleh itu, menurut beliau pendidikan perlu mengambil kira aspek vokasional, kejiwaan dan keintelektualan (Sadeq : 65 : 1974 dalam Rosnani Hashim, 1996 : 86). Kenyataan ini berhubung dengan Abu Umar Yusuf Ibn Abd Al-I-Basr Al-Namari, pendidik pada abad ke-12 membincangkan kepelbagaian dan objektif pendidikan perlu merangkumi aspek keagamaan, sosial, intelektual dan vokasional (Burhan, 1947 : 25). Sebagai sebuah institusi sosial, Ibn Khaldun menyatakan pendidikan perlu berkembang mengikut keperluan komuniti. Menurutnya, pendidikan mempunyai empat matlamat iaitu:- (i) membolehkan manusia bertindak dan membawa perubahan yang dapat menimbulkan minat dalam masyarakat untuk meneroka ilmu pengetahuan, (ii) meneroka ilmu pengetahuan di luar pancaindera, (iii) membangunkan perilaku yang baik, (iv) memanfaatkan kehidupan (Rizavi, 1986 : 105 dalam Rosnani Hashim, 1996 : 86).

Manakala pendefinisian menurut tokoh ilmuwan tempatan adalah, pendidikan Islam bermaksud proses mendidik akhlak dan jiwa pelajar, menanamkan rasa fadhilah (keutamaan), membiasakan mereka dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan mereka untuk mencapai kehidupan yang baik dengan akhlak yang jujur (al-Abrashi, 1975 : 1). Selain itu, hakikat pendidikan Islam ialah penyatuan pendidikan jiwa, pembersihan roh, pencerdasan akal, penguatan jasmani yang juga mencakupi pendidikan agama, akhlak, ilmiah dan jasmani (al-Ahwani, 1968 : 9). Pendidikan Islam meliputi tiga tujuan utama iaitu fizikal, rohaniah dan mental (Abdul Rahman Saleh, 1980: 119).

Konsep pendidikan Islam diterangkan secara lebih mendalam oleh Kamal (1992), iaitu pendidikan Islam bertujuan melahirkan manusia yang berpengetahuan dan selari dengan dasar kehidupan Islam. Pengetahuan ini termasuk hubungan antara manusia dengan penciptanya (Allah) yang diterapkan dalam ilmu-ilmu akidah dan cara pelaksanaan ibadah khusus. Pada masa yang sama, ilmu ini berfungsi untuk menjadikan manusia mengetahui hubungan antara manusia dengan manusia yang dimanifestasikan dalam ilmu-ilmu ekonomi, undang-undang, politik, kenegaraan dan antarabangsa, kebudayaan dan ilmu-ilmu sains tabii dan teknologi yang berasaskan dasar hidup Islam (Kamal et. al, 1992 : 47).

Persidangan pendidikan Islam, telah membawa pembaharuan kepada sistem pendidikan Islam di seluruh dunia. Muktamar pendidikan Islam kedua, pada tahun 1980 di Pakistan merumuskan tujuan pendidikan adalah;

"Education should aim the balanced growth of the total personality of man through the training of man's spirit, intellect, the rational self feeling and bodily senses. Education should therefore cater for intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic both individually and collectively and motivate all the

aspects toward goodness and attainment of perfection. The ultimate aim of Muslim education lies in realization of the complete submission to Allah on the level of individual, the community and humanity at large"

Sumber : (Hassan Langgulung, 1987 : 206)

Berdasarkan kepada definisi di atas, jelas memperlihatkan ilmu pengetahuan yang membawa kesejahteraan kepada manusia adalah ilmu yang bersifat menyeluruh dan lengkap. Dari perspektif Islam, masyarakat yang benar-benar maju dan produktif adalah masyarakat yang berjaya melahirkan warganegara yang berilmu, beriman serta memiliki pelbagai kemahiran. Oleh yang demikian, pengorientasian pendidikan ke arah pengintegrasian antara elemen keagamaan dan sekular akan melahirkan satu golongan profesional yang beretika tinggi, berilmu pengetahuan, berkemahiran dan pada masa yang sama patuh kepada agama.

1.3.3 Pendidikan Dualisme

Pendidikan dualisme bermaksud, pemisahan yang membahagikan pendidikan kepada pendidikan agama dan sekular (Mahmood Zuhdi, 2002). Ideologi yang mengkategorikan ilmu kepada ilmu agama dan ilmu akademik, diperkenalkan oleh Barat selepas kebangkitan Eropah dalam abad ke-16 dan ke-17 masihi.

Doktrin barat ini dikembangkan ke seluruh dunia termasuk negara-negara umat Islam, menerusi kuasa naungan dan penjajahan. Hasilnya mewujudkan masyarakat Islam yang memisahkan ilmu kepada ilmu agama dan akademik serta memisahkan bidang tugas antara

golongan yang berpendidikan agama dan profesional yang berlainan fahaman dan pandangan.

Tajul Ariffin, (1988) melihat dualisme sebagai kurikulum yang memisahkan di antara pengajaran agama (kerohanian) dengan disiplin-disiplin akal yang lain. Penekanan yang sepenuhnya kepada penguasaan akademik menyebabkan aspek pelajaran agama dipinggirkan. Oleh yang demikian, ia melahirkan dua kumpulan generasi yang berbeza. Pertama kumpulan pelajar yang terlalu mementingkan daya intelek tanpa penghayatan agama dan kerohanian yang tinggi. Kedua ahli agama yang meminggirkan ilmu-ilmu akademik.

Konsep dualisme ini telah mempengaruhi aspek pentadbiran, perundangan dan pendidikan. Di bawah konsep dualisme institusi-institusi agama dibiarkan berkembang sendiri di luar arus perdana dengan alasan tidak campur tangan. Dalam bidang pendidikan prinsip dualisme telah melahirkan pelajar-pelajar agama yang terpinggir atau meminggirkan diri kerana kecenderungan mengkhusus dalam pengajian Islam semata-mata (Mahmood Zuhdi, 2002).

1.3.4 Pendidikan Bersepadu

Pendidikan bersepadu adalah sistem dan prosedur pendidikan yang cuba menyepadukan antara ilmu yang berteraskan wahyu (naqli) dengan ilmu yang diperolehi melalui cerapan diri (aqli) yang didasarkan kepada pengalaman dan cita rasa hidup manusia (Yussof, 1998 : 167).

Pendidikan sepadu ditakrifkan sebagai;

"pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan Hadis di samping adanya integrasi dengan bidang ilmu ke arah membina komuniti ummah dengan berteraskan akidah"

(Yusof, 1998 : 165).

Menurut Muhammad Syukri Salleh (1984), pendidikan bersepadu adalah penyatuan ilmu yang menekankan hubungan antara manusia dengan pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan persekitaran ke arah mewujudkan keseimbangan akal, rohani dan jasmani. Mohd Kamal Hassan (1984), menyatakan pendidikan bersepadu haruslah berdasarkan falsafah kesepaduan di antara iman dan ilmu; jasad dan roh; dunia dan akhirat; fikiran dan hati; akal dan wahyu. Falsafah pendidikan bersepadu ini dapat mendidik manusia supaya tunduk kepada tuntutan aqidah Islam, syariah Islam dan akhlak Islam.

Melalui konsep pendidikan bersepadu, individu yang dihasilkan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai keperibadian yang tinggi. Keberkesanan pelaksanaan pendidikan bersepadu tidak hanya dilihat dari segi aspek etika semata-mata, tetapi ia juga dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang unggul tanpa gejala penyelewengan yang semakin berleluasa dalam masyarakat kini. Konsep ini dapat diterapkan dalam organisasi pekerjaan bagi mewujudkan suasana pekerjaan yang kondusif dan teratur.

1.3.5 Guna tenaga Bersepadu

Ia merujuk kepada guna tenaga yang mempunyai kualiti profesional dan moral. Kesepaduan antara kedua-dua kualiti ini, membolehkan seseorang individu berkerja secara cekap, ikhlas dan jujur dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan yang maksimum (Abul Hasan, 1990).

1.3.6 Institusi Pendidikan Tinggi

Isahak Haron (1989), mendefinisikan pendidikan tinggi sebagai pendidikan yang menawarkan ijazah dan ini termasuk institusi dan kolej yang menyediakan kursus diploma atau sijil. Ia adalah institusi yang berupa universiti atau kolej awam yang menawarkan pelbagai disiplin di peringkat diploma dan ijazah. Falsafah Pendidikan Tinggi Nasional, gubahan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, pada Januari 1988 menyatakan "Pendidikan Tinggi di Malaysia merupakan usaha kesinambungan proses pendidikan menengah. Ia menuju ke arah perkembangan potensi individu ke peringkat maksimum secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu dengan hasrat membentuk insan yang soleh daripada aspek gabungan intelek, rohani, emosi, jasmani, sosial dan estetika serta berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

1.3.6.1 Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)

IPTA adalah institusi pengajian tinggi yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan, menawarkan program pendidikan di peringkat sijil hingga ke ijazah lanjutan. Bagi menaiktarafkan universiti tempatan sebagai pusat kecemerlangan akademik, pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1996 membolehkan IPTA dikorporatkan. Pengkorporatan ini memberikan kuasa autonomi kepada IPTA mengurus dan beroperasi secara lebih dinamik dan proaktif. Berdasarkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (1989), IPTA diiktiraf sebagai meliputi pendidikan di peringkat universiti dan pendidikan di peringkat kolej, yang menyediakan pelajar-pelajar bagi mengikuti kursus diploma dan ijazah. Ini tidak termasuk pendidikan perguruan.

1.3.6.2 Institut Pendidikan Swasta (IPS)

Pendidikan swasta ialah pendidikan yang dimiliki, ditadbir dan dibiayai oleh pihak swasta. IPS perlu berdaftar terlebih dahulu dengan Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia dan selepas itu, berdaftar dengan pendaftar perniagaan atau pendaftar syarikat untuk memulakan sesuatu operasi (Sharil & Habib, 1999: 183). Penubuhan, pengurusan dan operasi institusi pendidikan swasta adalah tertakluk di bawah Akta pendidikan seperti (www2.moe.gov.my, 10 Mei, 2001 : 11 a.m) :-

- i) Akta Pendidikan, 1996
- ii) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, 1996
- iii) Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara, 1996

- iv) Akta Lembaga Akreditasi Negara, 1996,
- v) Akta Perbadanan Pendidikan Tinggi Nasional, 1997

1.3.6.2.1 Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)

IPTS dikelolakan oleh sektor swasta bagi menawarkan kursus bagi para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia/Voksional (SPM/SPMV), Senior Middle 111, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) bagi mendapatkan sijil, diploma, ijazah. Terdapat dua kategori IPTS berdasarkan kepada status iaitu (www2.moe.gov.my, 10 Mei, 2001 : 11 a.m):-


- i) IPTS yang bukan bertaraf universiti, kolej universiti atau kampus cawangan
- ii) IPTS yang bertaraf universiti, kolej universiti atau kampus cawangan

Hanya IPTS yang ditauliahkan status sebagai universiti atau kolej universiti oleh Kementerian Pendidikan dibenar menawarkan program ijazah dalaman.

1.4 KERANGKA KONSEPTUAL

Polisi pendidikan nasional adalah mewujudkan keseragaman dalam pembangunan pendidikan di negara ini. Polarisasi kaum di negara ini, menyebabkan sistem pendidikan negara terbahagi kepada beberapa aliran. Dalam konteks kajian ini, perbincangan akan menfokuskan kepada aliran kebangsaan dan aliran agama. Elemen perbincangan dalam kajian ini dipermudahkan dalam rajah 1.1.

Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual



Pelaksanaan Akta Pendidikan 1961, telah mentransformasi sistem pendidikan British yang bercorak dualisme kepada sistem pendidikan Malaysia, dengan menekankan ciri-ciri dan identiti Malaysia. Matlamat dan objektif akta ini, dirangkumkan di bawah Falsafah Pendidikan Negara (FPN), yang menekankan perkembangan secara bersepadu dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani (Azmi, 2000 & Rahimah, 1998). Justeru itu, beberapa perubahan dilaksanakan, bagi memastikan pendidikan dan latihan lebih efektif dan responsif dengan keperluan semasa negara, melalui penstrukturan semula dari segi kurikulum, tenaga pengajar, kemudahan serta aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah. Pembaharuan ini dilaksanakan bagi menjadikan sistem pendidikan lebih komprehensif dan seterusnya merealisasikan agenda pendidikan abad ke-21 dan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan di Asia.

Walaupun sistem pendidikan kebangsaan berjaya menghasilkan golongan profesional dan semi-profesional bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara, tetapi ia gagal untuk menerapkan aspek pembangunan individu secara bersepadu. Penglibatan golongan profesional dalam gejala-gejala seperti rasuah, pecah amanah, penyelewengan, penipuan dan penyalahgunaan kuasa semakin meningkat dari hari ke hari (Kamal Hassan, 1986). Oleh yang demikian, timbul persoalan dalam menilai kesediaan institusi pendidikan untuk memenuhi keperluan aspek keagamaan dan kerohanian, yang semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat.

Kepelbagaian permintaan, yang dipengaruhi oleh elemen kebudayaan, pentafsiran yang berbeza-beza mengenai kualiti, menyebabkan ketersediaan sesetengah pihak untuk keluar daripada sistem pendidikan nasional dan memilih sistem pendidikan yang dipercayai dan